

## Kontraktor potong pokok DBKL maut

**Kuala Lumpur:** Seorang pekerja subkontraktor Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) maut ketika memotong pokok kecil di pembahagi jalan di Jalan Kuching berhampiran Bulatan Kepong di sini, selepas dirempuh sebuah kereta Toyota Sienta, semalam.

Dalam kejadian jam 3.15 pagi itu, lelaki berusia 24 tahun itu parah di kepala maut di tempat kejadian.

Ketua Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) Kuala Lumpur, Asisten Komisioner Sarifudin Mohd Salleh berkata, siasatan awal mendapati kejadian kemalangan berlaku apabila kereta Toyota Sienta yang dipandu dari arah pusat bandar sampai di lokasi kejadian mengubah haluan ke kanan lalu melanggar kon serta lori dan pekerja subkontraktor DBKL.

"Selepas kemalangan itu, pemandu lelaki berusia 24 tahun melarikan diri namun berjaya ditahan orang awam berdekatan Taman Wahyu di sini.

"Suspek kemudian dita-

han dan direman tiga hari bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 44(1), Akta Pengangkutan Jalan 1987 kerana memandu kenderaan di bawah pengaruh alkohol dan menyebabkan kematian," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau berkata, orang ramai yang mempunyai sebarang pertanyaan ataupun maklumat boleh menghubungi Balai Polis Trafik Jalan Tun HS Lee di talian 03-2071 9999 atau Hotline JSPT Kuala Lumpur di talian 03-20260267/69 atau mana-mana balai Polis yang berhampiran.



*Selepas kemalangan itu, pemandu lelaki berusia 24 tahun melarikan diri namun berjaya ditahan orang awam berdekatan Taman Wahyu di sini."*

**Sarifudin**

## Karnival KL Dulu preserves city history.

**KUALA LUMPUR:** Various programmes have been lined up for the two-day Karnival KL (Kuala Lumpur) Dulu.

KL Mayor Datuk Seri Mahadi Che Ngah said the carnival at Rumah Tangsi, here, aims to promote the rich history of the federal capital.

"It is also an effort to preserve the history of the city of KL for the younger generation," he said at the launch of the carnival yesterday.

His speech was read by KL City Hall Socio-Economic Development executive director Datuk Anwar Mohd Zain.

Mahadi said the carnival also commem-

orates the 50th anniversary of the declaration of KL as a city in 1972.

Among the carnival programmes are Jom Jejak Jalan Ampang, Webinar KL Dulu and Wayang Pacak Cerita Klasik SIAR.

"The highlight will be a mini-concert tonight (last night) featuring City Hall Cultural Artists and Cultural Combo with leading artists, such as Haziq Rosebi, Rozita Rohaizad, Imuda, Angeline Tan, Sathiya, Ushera and A. Rozaini.

"There are also competitions such as Ratu dan Puteri Kebaya, Pertandingan Bakat Nyanyian Lagu-Lagu Sudirman and traditional games, among others."